



AZMAN (berdiri di tengah) bergambar bersama sebahagian keluarga yang menerima bantuan program MyKasih AmBank di Subang Jaya semalam.

AmBank bantu 1,300 keluarga

SUBANG JAYA - Sebanyak 50 keluarga kurang berkemampuan di sini akan dipilih untuk menerima sumbangan daripada Yayasan MyKasih Kumpulan AmBank Berhad (AmBank) berjumlah RM52,000 bagi meringankan penderitaan mereka.

Pemberian sumbangan menerusi program MyKasih itu diadakan hasil kerjasama bank tersebut dengan Pasar Raya Mydin dan Kelab Rotary Diraja Kuala Lumpur.

Bagaimanapun, bantuan itu bakal disalurkan kepada keluarga berkenaan dalam bentuk barangan yang dibeli oleh mereka di Pasar Raya Mydin.



Untuk tujuan itu, sebanyak RM40 akan dikreditkan ke dalam MyKad keluarga berkenaan pada setiap dua minggu bagi membolehkan mereka membeli barang-barang keperluan untuk tempoh setahun.

Pengerusi AmBank, Tan Sri Azman Hashim berkata, wang sebanyak RM52,000 itu disumbangkan kepada keluarga kurang berkemampuan tanpa mengira latar belakang bangsa dan agama.

"Melalui program ini, kami berharap dapat membantu mereka bagaimana menguruskan kewangan dan

perbelanjaan," katanya pada majlis pelancaran Program Komuniti AmBank-MyKasih di sini semalam.

Hadir sama Pengerusi Yayasan MyKasih dan Dialog Group, Ngau Boon Keat; Pengarah Yayasan MyKasih, Tan Sri Megat Najmuddin Megat Khas dan Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Bhd., Datuk Amer Ali Mydin.

Azman memberitahu, sejak program MyKasih dilancarkan setahun lalu sebanyak RM1 juta telah diperuntukkan bagi membantu 1,300 buah keluarga di Lembah Klang, Pulau Pinang, Johor, Perak, Pahang, Kelantan dan Sarawak.